



KOLEJ YAYASAN PELAJARAN JOHOR PEPERIKSAAN AKHIR


NAMA KURSUS : PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
KOD KURSUS : DSM1053
PEPERIKSAAN : APRIL 2019
MASA : 3 JAM

ARAHAN KEPADA CALON

1. Kertas soalan ini mengandungi **TIGA (3)** bahagian:
BAHAGIAN A (10 Markah)
BAHAGIAN B (50 Markah)
BAHAGIAN C (40 Markah)
 2. Jawab **SEMUA** soalan di Bahagian A dan B dan **DUA (2)** Soalan di Bahagian C.
 3. Calon tidak dibenarkan membawa masuk sebarang peralatan ke dalam bilik peperiksaan kecuali dengan kebenaran pengawas peperiksaan.
 4. Sila pastikan bahan-bahan berikut diperoleh untuk sesi peperiksaan ini:
 - i. Kertas Soalan
 - ii. Kertas Jawapan Objektif
 - iii. Buku Jawapan

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

KERTAS SOALAN NI MENGANDUNG 9 HALAMAN BERCETAK TERMASUK MUKA HADAPAN



BAHAGIAN A

Bahagian ini mengandungi **SEPULUH (10)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan di dalam Kertas Jawapan Objektif.

1. Pengurusan Sumber Manusia ialah penggabungan sumber tenaga kerja yang pelbagai untuk mencapai objektif organisasi. Apakah fungsi Pegurusan Sumber Manusia kepada organisasi?

- A** Latihan dan pembangunan pekerja.
- B** Mengatasi isu-isu Pasaran Buruh di Malaysia.
- C** Amalan dan polisi yang diperlukan untuk mengurus individu.
- D** Menarik minat calon yang berkelayakan untuk bekerja dalam organisasi.

2. Pilih proses perancangan manusia mengikut turutan

- i. Meramal keperluan sumber manusia.
- ii. Menentukan penawaran / bekalan buruh.
- iii. Menilai pelaksanaan perancangan sumber manusia.
- iv. Membentuk dan melaksanakan perancangan sumber manusia.
- v. Perbandingan antara keperluan sumber manusia dengan penawaran buruh sedia ada.

- A** i , ii, iii, iv, v
- B** i, ii, v, iv, iii
- C** v,ii, iii, i, ii
- D** ii, i, v, iii, iv

Amalina mempunyai kepakaran dalam bidang pengurusan sumber manusia melebihi 10 tahun. Beliau berkelulusan Ijazah Pengurusan Sumber Manusia dan kini beliau adalah pengamal pengurusan sumber manusia.

Pernyataan 1

3. Apakah jawapan yang bersesuaian berdasarkan pernyataan 1 di atas?

- A Elemen kerja.
- B Deskripsi kerja.
- C Spesifikasi kerja.
- D Keselamatan kerja.

Pekerja berpeluang untuk memberi pendapat dan pandangan terhadap tugas yang dilakukan. Proses ini boleh dilakukan secara perseorangan atau berkumpulan.

Pernyataan 2

4. Apakah kaedah analisa pekerjaan yang dimaksudkan dalam pernyataan 2 di atas?

- A Temubual
- B Soal Selidik
- C Komunikasi
- D Deskripsi Kerja

5. Manakah antara berikut **bukan** faktor pengekalan pekerja?

- A Kepuasan kerja.
- B Perundingan pekerja.
- C Pampasan dan faedah.
- D Keseimbangan kerja dengan kehidupan.

6. Yang manakah merupakan pampasan kewangan tidak langsung?

- A Insentif.
- B Gaji dan bonus.
- C Elaun perkhidmatan.
- D Tiket percutian kepada pekerja berprestasi tinggi.

7. Berapakah jumlah minimum waktu bekerja mengikut Akta Kerja 1955?

- A 38 jam
- B 48 jam
- C 50 jam
- D 105 jam

Skim ini memberi perlindungan kepada pekerja di atas kemalangan yang tidak dijangka berlaku seperti kemalangan di tempat kerja atau kemalangan yang berlaku sewaktu perjalanan ke tempat kerja.

Pernyataan 3

8. Apakah skim yang sesuai yang dimaksudkan oleh pernyataan 3 di atas?

- A Skim cepat kaya.
- B Skim Pencen llat.
- C Skim rawatan cepat.
- D Skim Insurans Bencana Pekerjaan.

9. Menjadi satu kewajipan seorang majikan untuk mencarum jumlah pendapatan pekerjanya di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Caruman majikan dan caruman pekerja akan dibuat dan ditolak melalui gaji pekerja. Berapakan kadar caruman KWSP bagi seorang pekerja yang mempunyai pendapatan RM5000 ke bawah?
- A 11%
B 12%
C 13%
D 15%

O

10. Apakah fungsi Kesatuan Sekerja di Malaysia?

- A Memenuhi kehendak dan penawaran pekerja.
B Mengagihkan sumber organisasi yang terhad.
C Menarik dan mengekalkan pekerja di dalam organisasi.
D Menjadi wakil dalam pertikaian antara majikan dan pekerja.

[10 MARKAH]

O

BAHAGIAN B

Bahagian ini mengandungi **LIMA (5)** soalan.

Jawab **SEMUA** soalan. Jawab di dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

a. Senaraikan **lima (5)** fungsi pengurusan sumber manusia.

(5 markah)

b. Senaraikan **lima (5)** masalah dalam dunia pekerjaan masa kini.

(5 markah)

SOALAN 2

a. Terangkan maksud spesifikasi kerja

(4 markah)

b. Jelaskan **tiga (3)** kegunaan maklumat analisis kerja terhadap pengurusan sumber manusia.

(6 markah)

SOALAN 3

a. Bincangkan **tiga (3)** kaedah pengambilan luaran.

(6 markah)

b. Berikan **dua (2)** kebaikan dan **dua (2)** keburukan pengambilan dalaman kepada organisasi.

(4 markah)

SOALAN 4

Jelaskan **lima (5)** kesilapan yang dilakukan oleh penemuduga dalam menilai prestasi pekerja.

(10 markah)

SOALAN 5

Jelaskan **lima (5)** tujuan penilaian prestasi dalam pengurusan sumber manusia.

(10 markah)

[50 MARKAH]

BAHAGIAN C

Bahagian ini mengandungi **TIGA (3)** soalan. Jawab **DUA (2)** soalan sahaja.
Jawab dalam Buku Jawapan.

SOALAN 1

Puan Mahani seorang pekerja yang mempunyai kemahiran dalam bidang kejuruteraan mekanikal. Beliau telah berjaya mencipta produk yang berinovasi dan berteknologi tinggi di peringkat antarabangsa. Hasil kerja yang ditunjukkan olehnya telah mendapat pengiktirafan daripada majikan. Beliau telah dinaikkan pangkat menjadi seorang pengurus operasi dan diberikan tiket percutian ke luar negara sebagai tanda penghargaan daripada majikannya.

- a. Huraikan **tiga (3)** ganjaran bukan kewangan dan **dua (2)** ganjaran kewangan yang di terima oleh Puan Mahani.

(10 markah)

- b. Berikan **lima (5)** kepentingan pampasan dan ganjaran kepada pekerja.

(5 markah)

- c. Jelaskan maksud insentif dalam istilah pengurusan pampasan pekerja.

(5 markah)

SOALAN 2

Pengurusan Sumber Manusia perlulah mengadakan satu program latihan kepimpinan dan kerja berpasukan untuk pengurus atasan. Program latihan yang diberikan adalah untuk meningkatkan kemahiran, pengetahuan dan keupayaan pekerja dalam melaksanakan pekerjaan. Program latihan ini juga bertujuan untuk melatih para pengurus membuat keputusan dan memupuk sifat kepimpinan dalam kalangan pengurus.

- a. Huraikan **empat (4)** faktor yang mempengaruhi keberkesanaan program latihan.
(8 markah)
- b. Bincangkan **lima (5)** kaedah latihan yang diperlukan oleh pelatih untuk menjalani latihan di tempat kerja.
(10 markah)
- c. Apakah perbezaan di antara latihan dan pembangunan?
(2 markah)

SOALAN 3

Perintah gaji minimum yang telah ditetapkan oleh Akta Majlis Perundingan Gaji Negara 2011 (Akta 732) adalah sebanyak RM1,100.00 untuk setiap bulan. Perintah ini telah berkuat kuasa pada 1 Januari 2019. Oleh hal yang demikian, kebanyakan Syarikat di Malaysia tidak melaksanakan pemberian gaji minimum kepada pekerjanya. Husaini, pekerja di Syarikat Amor Sdn Bhd telah melaporkan aduan kepada Jabatan Tenaga Kerja mengenai penindasan yang dilakukan oleh majikannya.

- a. Huraikan **tiga (3)** tindakan perusahaan dalam menangani pertikaian perindustrian.

(6 markah)

b. Bincangkan **empat (4)** prosedur penyelesaian pertikaian antara majikan dan pekerja.

(8 markah)

c. Jelaskan **tiga (3)** bahagian dalam perjanjian kolektif.

(6 markah)

[40 MARKAH]

KERTAS SOALAN TAMAT

C

C

O

O